

Bangunkan potensi siswa

Program SANTUN anjuran YaPEIM bantu tingkatkan keyakinan peserta

Oleh Rosniza Mohd Taha
roniza@bharian.com.my

SELAMA enam hari berkam-pung di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Sintok, Kedah, baru-baru ini, lebih 10 ceramah agama dan motivasi diikuti peserta Program Perkhemahan Nasional Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Miskin/Anak Yatim Nasional (SANTUN).

Seramai 320 peserta yang membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara juga menyumbang khidmat bakti di tiga daerah sekitar Kedah.

Mereka bergotong-royong membersihkan masjid dan surau yang terjejas akibat banjir iaitu Masjid Wang Tepus dan Surau Nuur Ehsan Taman Indera di Jitra; Surau Bukit Hantu, Kodiang dan Masjid Limau Yan.

Program anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) itu kali kedua dianjurkan selepas perkhemahan pertama diadakan di Kem PLKN Desa Rimba Sauk, Kuala Kangsar, Perak, tahun lalu.

Penyertaan dalam aktiviti kemuncak tahunan SANTUN itu diharap membentuk jati diri generasi muda bersahsiah mulia dan berdisiplin selain mengukuhkan ukhuwah sesama mereka.

Peluang menemui tokoh dan pemimpin negara, antaranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Timbalannya, Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail dimanfaatkan bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai pelbagai perkembangan terkini negara.

Jamil Khir berkata, walaupun dijalankan dalam tempoh yang



PESERTA Program Perkhemahan SANTUN Nasional bergotong-royong menyediakan juadah makan tengah hari.

memupuk semangat juang tinggi pelajar untuk lebih cemerlang dan mampu mendepani cabaran semasa.

"Inisiatif YaPEIM menganjurkan program ini sejajar misinya untuk membangunkan masyarakat menerusi penyempurnaan tanggungjawab sosial. Menerusi pendedahan seumpama ini diharap anak-anak SANTUN yang kini umpama tangan yang berada di bawah kerana menerima bantuan dan bimbingan YaPEIM akan berada di atas kelak iaitu menjadi golongan yang memberi pula dengan memanfaatkan

diperoleh," katanya ketika berucap merasmikan program itu.

Sementara itu, kalangan peserta ditemui menyifatkan pengalaman mengikuti perkhemahan itu sebagai bekalan berharga bagi menyiapkan diri sebagai generasi muda negara sejajar tema program, 'Pemantapan Generasi Pewaris, Menjana Transformasi Negara'.

Pelajar Universiti Wollongong, Australia; Ilyas Muar, 21, berkata peluang membersihkan Surau Bukit Hantu di Kodiang memberi kepuasan tersendiri baginya kerana dapat

ngan masyarakat.

Aktiviti khidmat masyarakat sebagai pengisian program adalah wajar katanya, kerana ia membolehkan mahasiswa menganali budaya dan gaya hidup masyarakat setempat.

"Menerusi aktiviti ini juga, secara tidak langsung kita dapat mengingati semula asal usul supaya tidak lupa daratan walaupun setinggi atau sejauh mana pengajian diikuti," kata pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal itu.

Bagi Khairul Azhar Mansor,

aktiviti SANTUN sejak 2006 memberi impak besar terhadap pembangunan keterampilan dan kemahiran insaniahnya.

Pelajar Diploma Sains, Universiti Teknologi MARA Jengka, Pahang, itu berkata, sesi ceramah Tauhidik Islam dan peluang mengurus acara menerusi program itu berkesan bagi memantap kerohanian serta memupuk ciri kepimpinan.

"Asalnya dulu saya pemalu, tetapi apabila diberi peluang menjalankan pelbagai peranan seperti menjadi pengacara majlis dan menganggotai Biro Kepimpinan serta mendapat suntikan motivasi menerusi sesi ceramah, saya berjaya membina keyakinan diri," katanya.

Pelajar Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Norisal Nasai, 20, juga sepandpat program itu meningkatkan kesedaran untuk menjadi insan lebih bertanggungjawab dan tidak lupa peranan menyumbang semula kepada masyarakat.

"Ceramah agama yang diikuti menyedarkan mahasiswa yang sentiasa terdedah kepada pelbagai anasir supaya bijak membezakan baik buruk sesuatu perkara serta tanggung jawab kembali kepada masyarakat."

"Menerusi program ini juga, saya dapat memperluas pergaulan dengan pelajar dari pada universiti lain termasuk luar negara serta berkongsi pengalaman dengan mereka," katanya.

NurFaraha'Ain Ibrahim, 21, pula teruja dengan kesempatan menemui beberapa pemimpin negara kerana ia memberi perspektif baru dalam pelbagai perkara dan berupaya memperkuatkan generasi muda



Norisal



Khairul Azhar



NurFaraha'Ain